

MUZIK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL: PAPARAN DASAR INDUSTRI HIBURAN DALAM AKHBAR- AKHBAR DI MALAYSIA

NORSHAFAWATI SAARI, ASIAH SARJI &
FUZIAH KARTINI HASSAN BASRI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Muzik adalah salah satu unsur dalam kehidupan yang sangat anjal sifatnya. Kerana itu pengertian dan fungsi muzik dalam kehidupan adalah pelbagai. Salah satu fungsi asas muzik adalah sebagai hiburan. Fungsi ini telah meletakkan muzik sebagai salah satu bidang budaya jelata yang dominan. Ini kerana, selain melodi, muzik mengandungi utusan dalam bentuk lirik. Gabungan kedua-dua melodi dan lirik boleh meletakkan muzik sebagai salah satu aspek komunikasi yang bertenaga dalam kehidupan manusia. Kerana itu, ada juga pihak yang melihat muzik sebagai khazanah budaya sesuatu bangsa yang mampu menggambarkan imej dan ketamadunan budaya sesuatu bangsa itu. Ada juga yang melihatnya sebagai salah satu cabang aktiviti ekonomi yang boleh membentuk industrinya sendiri seterusnya membantu perkembangan pembangunan sosial. Industri muzik di Malaysia wujud atas faktor kedua-dua keadaan tersebut. Tetapi, sejauhmanakah masyarakat umum sedar tentang keadaan ini? Sejauhmanakah, aspek ini diberi perhatian oleh media cetak dalam memberi bentuk terhadap aplikasi muzik dalam dasar awam negara yang boleh memberi makna kepada pengguna-penggunanya? Dengan kata lain, sejauhmana isu yang berkaitan dengan industri muzik diberi perhatian oleh akhbar di Malaysia? Dengan menggunakan perspektif kajian isu dasar yang berkaitan industri muzik, makalah ini meneroka isu-isu tersebut melalui data yang dikumpul melalui kaedah analisis kandungan akhbar. Kesemua akhbar telah dipilih secara rawak daripada ketiga-tiga bahasa utama di Semenanjung

Malaysia. Data dianalisis secara kuantitatif untuk melihat aliran pemaparan maklumat tentang industri muzik and implikasi polisi yang berkaitan. Hasil kajian mendapati akhbar-akhbar yang dikaji memberi perhatian yang sangat minimal terhadap aspek dasar berkaitan industri muzik di Malaysia.

MUSIC AND SOCIAL DEVELOPMENT: PORTRAYAL OF THE ENTERTAINMENT INDUSTRY'S POLICIES IN MALAYSIAN NEWSPAPERS

Abstract

Music is a versatile element in life. Because of that, the meaning and function of music is different. One of the basic function of music is entertainment. This function has placed music as one of the dominant mass cultural fields. This is due to the fact that the melody of music contains various messages in the lyrics. The combination of both melody and lyrics can put music as a powerful communication aspect in human life. There are those who see music as a cultural heritage of nation that is able to describe the image of cultural and civilization. There are also those who view music as one of the economic activity that can develop a nation's industrial and social development. Music industry in Malaysia exist in both areas. But, how far is the public aware about this situation? To what extent are the media giving attention to the application of music in the form of public policy that can effect its users? In other words, how far do the newspapers in Malaysia give attentions towards issues of the music industry? Looking from the perspective of policy issues that are related to the music industry, this paper explores the portrayal of entertainment industry's policy by the newspapers through a content analysis study. The newspapers were choosen randomly from three main languages in Peninsular Malaysia. The data were analyzed quantitatively to see the coverage of news on music industries and relevant policy implications. This study found that the newspapers reviewed gave minimal attention to the aspect of policy which is related to the music industry in Malaysia.

Keywords: *music, music industry, music information in newspaper, content analysis, newspaper and social development.*

Pengenalan

Muzik adalah medium pernyataan sosial yang sangat asas dalam kehidupan manusia sejak zaman Yunani lagi. Selain ilmu-ilmu sains tulen dan ilmu-ilmu lain, muzik sebagai ilmu telah dieksport ke Eropah, Greece dan ke seluruh Asia Timur oleh orang Arab (M.M. Shariff: 1966: 1168). Orang Islam Arab menurut M.M.Sharif (1966: 1125), memberikan takrifan muzik sebagai *'art which the noblest minds in Islam believed to be capable of being informed with and ennobled by thought, and in turn to adorn and enforce thought, and to be thus understood and felt'*. Seorang ahli falsafah Arab dari Basrah, Ikhwan Al-Safa menyatakan pada abad empat/sepuluh, *"music as an art compounded between the corporeal and spiritual"*. Dalam zaman pemerintahan Khalifah Al-Musta'sim (656/1258) di Baghdad, pakar muzik terhormat di sana, Safi Al-Din Abd Al Mu'min (693/1294) telah mengarang buku muzik yang bertajuk *"Book of Prosody"* dan dua buku lainnya adalah mengenai sains muzik. Kerana dalamnya akar muzik dalam kehidupan manusia, Sharif (1966) merumuskan bahawa muzik adalah alat mendekati masyarakat dan menjadi sebahagian daripada unsur dalam kehidupan masyarakat.

Sewaktu radio dicipta awal kurun ke 20, muzik telah dijadikan bahan ujian siaran yang membantu menyemarakkan ciptaan radio sebagai medium yang menyalurkan bunyi, sama ada di negara-negara Barat mahupun di Malaysia (Asiah Sarji, 1996). Landasan ini meletakkan muzik sebagai salah satu medium komunikasi yang dominan dalam sistem media. Sistem media adalah salah satu subsistem dalam sistem masyarakat. Dalam keadaan ini, muzik mempunyai ruang dan fungsinya sendiri dalam media untuk pembangunan sosial sama ada fizikal mahupun spiritual. Persoalannya, sejauhmanakah fungsi ini diberi perhatian oleh masyarakat termasuk negara?. Bagaimana media cetak sebagai media massa, memaparkan muzik kepada masyarakat sebagai medium yang mempunyai fungsi pembangunan sosial termasuk aspek-aspek dasarnya. Makalah ini meneroka isu berkenaan melalui analisis kandungan akhbar-akhbar perdana di Malaysia.

Komunikasi, media dan muzik

Konsep komunikasi sangat jelas ditakrifkan sebagai suatu sistem dan proses perkongsian makna. Muzik mempunyai kemampuan ini sejak awal kewujudannya. Muzik sebagai unsur komunikasi kerana ia mempunyai empat unsur asas komunikasi iaitu sumber, penerima, mesej dan saluran. Mesej yang disalurkan melalui saluran yang tertentu adalah idea dan perasaan yang ingin dikongsi bersama di antara sumber dan penerima. Mesej mengandungi simbol-simbol verbal dan bukan verbal. Simbol verbal adalah perkataan (bahasa) yang boleh menjadi konkrit atau pun abstrak. Simbol bukan verbal ialah air muka, pergerakan badan, nada, suara, penampilan diri dan apa sahaja yang boleh menyokong komunikasi verbal termasuklah bunyi yang boleh wujud dalam bentuk bunyi ditutur atau peralatan yang digunakan.

Kajian oleh pakar komunikasi menunjukkan 90 peratus daripada mesej yang

dihantar dan diterima adalah mesej bukan verbal, terutama dalam konteks komunikasi untuk menyampaikan emosi (Saodah: 2004: 10-11) dan muzik menurut Sharif (1966) boleh berfungsi memenuhi keperluan tersebut. Selain berfungsi sebagai mediumnya yang tersendiri, muzik boleh dijelmakan ke dalam apa bentuk saluran komunikasi yang boleh menghantar isyarat bunyi. Sekiranya saluran atau siaran yang dilalui oleh mesej untuk sampai daripada sumber kepada penerima, maka muzik adalah mesej. Saluran yang paling ketara menjadi ruang laluan muzik untuk awam adalah menggunakan peralatan teknologi komunikasi seperti internet, radio, televisyen, komputer, kecuali akhbar dan majalah.

Walaupun muzik sudah terkenal sebagai elemen di dalam medium dan boleh berfungsi sendiri sebagai medium yang berkesan dalam penyaluran maklumat, muzik tidak dapat melaksanakan fungsi berkenaan, malah boleh menjadi unsur yang merosakkan masyarakat sekiranya sesebuah komuniti atau negara itu tidak mempunyai sistem, dasar dan proses penyampaian yang efektif. Menurut model Matematik oleh Shahnnon & Weaver (1949), terdapat beberapa unsur penting dalam satu-satu bentuk komunikasi iaitu sumber maklumat, saluran, mesej, penerima maklumat, dan destinasi. Keberkesanan proses banyak bergantung tahap gangguan yang dilalui oleh mesej yang melalui saluran tersebut. Lebih jelas bunyi yang dipancarkan, maka lebih jelas mesej yang boleh disampaikan. Kerana itu kaedah rakaman, peralatan rakaman dan peralatan salurannya sentiasa ditingkatkan bagi memastikan ketinggian mutu penyampaian bunyi mesej tersebut, dan pada abad 21 ini, teknologi digital telah menguasai sistem pengolahan mesej muzik dari segi teknikalnya.

Sebagai salah satu elemen komunikasi yang dominan dalam kehidupan, muzik yang memiliki ciri-ciri seni dan budaya sesebuah masyarakat itu, boleh berkembang bukan sekadar sebagai wahana mesej, tetapi sebagai suatu industri yang menggerakkan satu aktiviti ekonomi yang boleh menyokong pembangunan negara. Dalam konteks ini, industri muzik adalah salah satu industri yang boleh dimajukan. Dengan kata lain muzik tidak lagi dilihat sebagai unsur hiburan yang menyeronokkan kehidupan tetapi sebagai produk dalam satu sistem ekonomi di sesebuah negara. Dengan menggunakan rujukan ini, persoalan yang timbul adalah sejauhmanakah akhbar-akhbar utama di Malaysia memaparkan muzik sebagai satu sistem, dan dasar yang fungsinya boleh dilihat sebagai alat pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi? Kertas ini membentangkan hasil kajian yang meninjau peranan yang dimainkan oleh akhbar-akhbar Malaysia dalam pembangunan muzik sebagai seni dan produk ekonomi.

Muzik sebagai konsep

Umumnya, muzik mampu memberi kesan kepada emosi dan kepada masyarakat keseluruhannya yang dipercayai mampu memberi ketenangan, jalinan dalam perhubungan dan mempunyai kaitan dengan perniagaan (Coloma: 2005: 115-118). Muzik juga adalah sebahagian daripada kehidupan yang menggambarkan budaya, bangsa dan penyalur sikap, perasaan dan kisah kehidupan dalam

masyarakat. Kepentingan muzik dalam media dianggap satu proses pengkaryaan semulajadi yang berterusan dan hasil karyanya bersifat spontan. Muzik juga berfungsi sebagai suatu medium dan produk dalam sistem hiburan di sesebuah negara.

Sistem hiburan adalah sebahagian daripada sistem media, yang juga sebagai salah satu unsur dalam sistem sosial. Sistem media dan sistem-sistem sosial yang lain, adalah saling bergantung kerana salah satu tidak boleh mencapai matlamat masing-masing tanpa menggunakan kekuatan sistem yang lain itu (Melvin & Sandra: 1988: 306). Muzik juga adalah sebagai satu sistem industri di Malaysia kerana kewujudannya sebagai satu sistem sangat bergantung kepada sistem-sistem lain. Satu sistem yang tersusun boleh meletakkan muzik bukan saja sebagai sebuah industri yang boleh menyokong ekonomi negara tetapi, sebagai medium efektif dalam penyaluran mesej yang boleh membantu pembangunan sosial. Dalam konteks kajian ini, isu kekuatan industri itulah yang menjadi persoalan. Ini kerana, jika industri ini lemah, kedua-dua fungsi muzik sebagai satu produk ekonomi dan sebagai wahana pembangunan sosial tidak dapat diwujudkan, sedangkan muzik sebagai unsur seni dan budaya sangat mudah untuk mendekati masyarakat, terutamanya kelompok remaja. Lantas, ianya sangat sesuai menjadi produk yang boleh dipasarkan. Untuk mengetahui bagaimana masyarakat Malaysia memberi penerimaan terhadap muzik, kajian dilakukan terhadap bagaimana atau apa persoalan muzik yang diketengahkan oleh media cetak. Akhbar khususnya, akhbar milik syarikat swasta akan mengetengahkan sesuatu maklumat yang mereka fikir boleh dan mampu menarik perhatian khalayak.

Terdapat wartawan dan ahli akademik yang menjelajahi teknik pengawalan isi mesej media dan penyebarannya. Pakar media dan pengguna-pengguna media menganggap media seolah-olah media mempunyai kuasa dalam membawa mesej yang disampaikan. Dengan beranggapan sedemikian, mereka menambahkan kuasa media di mata masyarakat (Lent: 1983: 189-190). Dengan kata lain, apa yang sesuatu akhbar itu paparkan adalah kandungan yang dijangka boleh diterima oleh khalayak umum atau khalayak massa. Sekiranya akhbar-akhbar cenderung memaparkan maklumat yang bersifat pinggiran dan picisan, ini bermakna khalayak boleh menerima isu-isu yang sedemikian kerana tidak ada bantahan mengenai perkara tersebut. Sekiranya akhbar-akhbar ini cenderung memaparkan isu-isu yang boleh memberi implikasi dasar, bermakna pembaca sudah bersedia untuk didedahkan dengan maklumat berat yang juga boleh memberi implikasi dasar khususnya dalam kaitan pembangunan ekonomi dan sosial.

Oleh itu, kajian ini memberi perhatian khusus terhadap peranan media cetak dalam memaparkan isu-isu yang berkaitan dengan hiburan khususnya hiburan muzik. Persoalannya ialah, apakah jenis kandungan mengenai hiburan muzik yang dipaparkan oleh akhbar dan dalam bentuk bagaimana maklumat itu dipaparkan?


Objektif kajian

1. Untuk mengetahui bagaimana akhbar-akhbar harian dalam pelbagai bahasa menempatkan kedudukan maklumat hiburan khususnya muzik dalam akhbar masing-masing;
2. Untuk mengetahui corak pemaparan maklumat hiburan khususnya muzik dalam akhbar-akhbar perdana di Malaysia;
3. Sejauhmanakah akhbar-akhbar yang dikaji peka tentang isu-isu dasar industri hiburan khususnya berkaitan muzik.

Muzik sebagai cabang ekonomi

Definisi awal mengenai ekonomi adalah dinyatakan dalam bentuk kekayaan, yang mana bukan sahaja dimaksudkan dengan emas dan perak tetapi semua jenis barang lain. Adam Smith menganggap ekonomi sebagai kajian ke atas sifat dan sebab-sebab kekayaan negara sementara Mill J. S. menganggap ekonomi sebagai sains praktikal mengenai pengeluaran dan pengagihan kekayaan (Hanson: 1981: 5-6). Tujuan semua pengeluaran adalah untuk memenuhi kemahuan manusia. Dengan berkembangnya tamadun manusia, kemahuan mereka menjadi berlipat ganda dan dengan bertambahnya kemahuan manusia yang dapat dipenuhi akan bertambah tinggi lagi taraf hidup mereka. Di dalam organisasi ekonomi, sejumlah besar jenis barang-barang dikeluarkan dan barang-barang baru tetap akan diperkenalkan. Oleh itu, orang-orang yang bekerja dalam pengeluaran yang bertujuan untuk mendapatkan alat yang membolehkan mereka memuaskan kemahuan mereka sendiri, dan kemahuan-kemahuan orang lain. Dengan itu, orang-orang tadi adalah serentak sebagai pengeluar dan pengguna (Hanson: 1981: 19-20). Dalam memenuhi kehendak pengguna, wujudnya penawaran atau urusniaga pembelian di antara pengeluar dan pengguna di mana yang berlaku dalam hukum penawaran dan permintaan iaitu lebih tinggi harga, lebih besar kuantiti yang akan ditawarkan (Hanson: 1981: 155).

Begitu juga yang berlaku dalam bidang muzik sehingga ia mampu menjadi sebuah industri dan sebahagian daripada kegiatan ekonomi kepada peserta dan penggiatnya seperti penulis lirik, penggubah lagu, penerbit, penyanyi sehinggalah individu di belakang tabir. Kewujudan muzik sebagai produk dalam masyarakat telah wujud sejak dari dahulu lagi misalnya di dalam teater, filem dan di dalam industri penyiaran. Muzik yang mengiringi lagu-lagu bangsawan, lagu-lagu popular dalam wayang gambar banyak mempengaruhi perkembangan muzik sehingga menjadi satu industri rakaman album yang komersial. Syarikat pertama yang berdaftar di Malaya ialah Hup Hup Sdn. Bhd. pada tahun 1949 yang kini dikenali sebagai Life Records. Pada tahun 1960-an semua studio rakaman menggunakan sistem rakaman dan pada tahun 1970-an, *mixer* 16 saluran mula digunakan seterusnya pada tahun 1980-an pula, alatan studio rakaman terus meningkat canggih sehingga sekarang apabila hampir semua rakaman komersial dibuat dalam format digital (KPKK: 2005: 1-5). Menurut Martin Peitz, antara pelaku



Rajah 1: Industri Muzik Tradisional
Sumber: Diubahsuai daripada Martin: 2005: 364

atau penggerak dalam industri muzik tradisional ialah artis, syarikat rakaman, penerbit album, pemborong di samping pengguna seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.


Hubungan yang rapat antara satu faktor dan satu faktor yang lain menjadikan setiap komponen penting dalam menjalankan aktiviti industri. Industri muzik beroperasi seperti sebuah ekosistem yang mempunyai hubungan simbiotik di antara individu (para artis, pencipta lagu, penggubah, produser dan sebagainya) dan syarikat-syarikat yang terlibat (syarikat rakaman, syarikat penerbitan, studio rakaman, studio penerbitan dan sebagainya). Hubungan sedemikian menyebabkan kesan tindakbalas secara langsung dan menyeluruh sama ada positif atau negatif terhadap rangkaian industri muzik tersebut boleh berlaku (KPKK: 2005: 17). Jelas bahawa aktiviti yang berlaku dalam kegiatan muzik dan produknya, menghasilkan satu sumber ekonomi kepada para peserta dan penggiat muzik. Hal ini kerana, produk juga difahami sebagai suatu barangan fizikal, mempunyai jenama tersendiri, melibatkan reputasi syarikat, disampaikan kepada pengguna dan ciri-cirinya yang lain lagi (Alvin: 2006: 10). Dengan itu, karya lagu atau irama muzik yang dihasilkan melalui rakaman album turut tergolong

sebagai suatu produk yang dipasarkan kepada masyarakat yang menjadi sumber ekonomi kepada golongan yang terlibat.

Industri muzik Malaysia

Di Malaysia, muzik adalah sebahagian daripada seni dalam budaya masyarakat berbilang bangsa dan etnik. Ia teranyam dalam fabrik budaya, sehingga dari satu segi, muzik tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan masyarakat sejak kewujudan masyarakat dan etnik berkenaan. Oleh itu, muzik yang salah satu fungsinya sebagai hiburan, sangat mudah diketengahkan dalam arus pembangunan industri media di Malaysia. Keadaan ini lebih dipermudahkan apabila industri media itu sendiri diperkenalkan di peringkat awalnya oleh pihak penjajah Inggeris, yang telah terlebih awal membangunkan industri ini. Apabila radio diperkenalkan, muzik adalah unsur utama kandungan siarannya. Apabila radio menggunakan pelbagai bahasa untuk khalayak pelbagai etnik, sekali lagi jenis-jenis muzik dari pelbagai bahasa juga turut disiarkan. Apabila radio sebagai media dikuasai pemerintah tentera Jepun, kumpulan-kumpulan muzik tempatan berkembang seperti cendawan tumbuh di waktu hujan. Sejak tahun 50-an lagi, kumpulan muzik Radio Malaysia diwujudkan, kemudiannya berkembang menjadi Orkestra Radio Malaya. Galakan yang diberikan oleh Pentadbiran Tentera Jepun dalam pembangunan seni muzik di Malaya telah menggerakkan usaha aktiviti rakaman ke piring hitam. Keperluannya yang meningkat akibat bertambahnya jumlah masa siaran di semua saluran radio dalam pelbagai bahasa mengkataliskan pembangunan industri muzik itu. (Asiah Sarji, 1996). Walau bagaimanapun, pembangunan industri ini tidak diuruskan oleh mana-mana jabatan kerajaan secara khusus seperti industri-industri lain. Selain itu, industri muzik juga mempunyai komponen-komponen yang menyokong aktiviti muzik tersebut yang membentuk sistemnya sendiri seperti syarikat rakaman, syarikat-syarikat pemasaran, syarikat-syarikat yang menganjurkan pertunjukan-pertunjukan, kelompok-kelompok pemuzik, pencipta, penulis lirik, pengadun muzik dan berbagai lagi. Apabila perkembangannya menjadi sangat luas, berbagai masalah timbul. Masalah-masalah ini memerlukan satu ruang pengurusan penyelesaian yang lebih terpusat.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian & Warisan Malaysia atau KEKWA (sekarang dikenali sebagai Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan (KPKK) menyatakan masalah-masalah inilah yang menyebabkan kementerian ini membuat keputusan untuk meletakkan industri muzik di bawah pengawasannya. KPKK telah mengenal pasti bahawa industri muzik terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian Pengeluaran dan Penghasilan serta Bahagian Sokongan seperti yang ditunjukkan pada rajah 4 (KPKK: 2005: 7). Keadaan industri yang semakin membesar dan akibat tekanan persekitaran ekonomi dan teknologi yang tidak memihak kepada peserta-peserta industri, telah menyebabkan penggerak utama dalam industri muzik seperti penganjur konsert, pentadbir syarikat rakaman, pengusaha dan penerbit album semakin



Rajah 2: Bahagian Pengeluaran & Penghasilan dan Sokongan dalam Industri Muzik
Sumber: KPKK: 2005: 7

meninggalkan industri muzik untuk mencari kerja lain yang mungkin lebih menarik dan menguntungkan. Laporan *Music Author's Copyright Protection* (MACP) yang mewakili pencipta lagu dan penulis lirik dalam kutipan royalti persembahan awam dan penyiaran kepada KPKK, bertarikh 9 Mac 2005 menyatakan jumlah keahlian Pencipta/ Penulis Lirik yang berdaftar dengan MACP pada tahun 2004 adalah seramai 2075 ahli (KPKK: 2005: 11). Bahagian Sokongan adalah bahagian yang penting dalam perkembangan dan kemajuan industri muzik dan mewakili golongan yang terlibat secara artistik dalam penghasilan produk yang berasaskan muzik. Golongan ini digelar karyawan iaitu yang terdiri daripada pencipta lagu, penulis lirik, penggubah muzik, pemuzik dan jurutera bunyi.

Daripada segi ekonomi, golongan karyawan memperoleh pendapatan melalui hasil karya yang dikutip daripada royalti mekanikal, persembahan dan penyiaran awam. Akibat kesedaran masyarakat Malaysia yang semakin meningkat terhadap hak ciptaan karyawan dan semakin diiktiraf serta diberi penghormatan, maka berlaku peningkatan dari segi kutipan royalti dari hanya berjumlah RM0.435

juta pada tahun 1989 melonjak kepada RM19.159 juta pada tahun 2004. Apa yang berlaku di Malaysia tergambar dalam sistem-sistem industri muzik lain di Asia. Muzik industri, sekiranya diuruskan dengan sistematik sama ada dari segi sistem mahu pun dasarnya, boleh menjadi produk pasaran yang boleh menyokong pembangunan ekonomi sesebuah negara itu. Kedudukan pendapatan daripada industri ini boleh mengukur kekuatan sistem industri muzik di sesebuah negara.

Dalam Jadual 1, ditunjukkan bahawa negara-negara seperti Hong Kong, Jepun, Singapura, Korea dan Taiwan mendahului dari segi nilai pasaran industri ini di Asia. Walaupun rakyat atau pengguna pasaran tempatan kecil di Singapura, tetapi Singapura mempunyai kesedaran bahawa muzik adalah produk yang boleh menguntungkan ekonominya sekiranya ia diuruskan dengan sistematik. Menurut Bernstein (2007), perniagaan muzik di Asia adalah satu industri yang unik disebabkan saiz pasarannya, kelajuan pembangunan dan keadaan atau tindakan yang tidak sah di sisi undang-undang (kegiatan haram). Dibandingkan dengan negara lain, pasaran muzik di Asia mempunyai potensi tinggi dalam pembangunan saiz dan kelajuannya. Jadual menunjukkan populasi dan keuntungan kasar domestik produk di Asia pada tahun 2006.

Daripada Jadual 1, kajian ini mengandaikan bahawa terdapat satu keadaan yang tidak jelas mengapa negara yang mempunyai penduduk yang tinggi yang berpotensi menjadi pengguna produk muzik tidak mampu bersaing dengan negara-negara lain yang jumlah penduduk atau pengguna muziknya jauh lebih kecil. Malaysia berada ditengah-tengah keadaan tersebut. Selain masalah pengurusan industri yang lemah, masalah lain yang dijangka terus digeruni oleh peserta-peserta industri ini di Malaysia dan ditempat-tempat lain di Asia adalah cetak rompak. Menurut Bernstein (2007) pasaran industri muzik di Asia merosot atau menurun disebabkan kegiatan cetak rompak melalui medium digital, kegiatan muat turun secara haram, penumpuan atau perhatian kepada jenis hiburan yang lain dan banyak lagi.

Bagi sesetengah kumpulan, media massa memainkan peranan mempengaruhi tindakan sosial dan perbincangan politik. Bagi sesetengah kumpulan lain, media massa hanya mempunyai peranan tambahan dalam pembentukan pendapat awam (Lent, 1983: 120-121). Dalam masyarakat Amerika, terdapat tiga konsep mengenai media massa (Shirley: 2005: 11) iaitu:.

- a. Media massa adalah pusat keuntungan dalam perniagaan;
- b. Sebahagian perubahan dalam pembangunan teknologi adalah melalui media massa;
- c. Media massa mempengaruhi politik, masyarakat dan budaya

Media massa berfungsi sebagai sebahagian daripada kekuatan negara dalam memodenisasikan sesebuah negara. Tanggungjawab penting media massa adalah mewujudkan rangka politik yang stabil dan kukuh untuk mewujudkan suasana baik perkembangan sosial seterusnya membentuk perkembangan pembangunan kebangsaan dalam pelbagai sektor. Dengan penjelasan mengenai kepentingan media dalam masyarakat dan kepada negara, media dianggap sebagai satu me-

**Jadual 1: Populasi dan Keuntungan Kasar Domestik Produk
Asia 2006**

Negara	Populasi (Juta)	Keuntungan Kasar Domestik Produk Perkapita (US\$)
China	1,314	6,300
Hong Kong	6.9	37,400
India	1,095	3,400
Indonesia	245	3,700
Jepun	127	30,700
Malaysia	24.3	10,400
Filipina	89.5	5,100
Singapura	4.5	29,900
Korea Selatan	48.8	20,400
Taiwan	23.0	26,700
Thailand	64.6	8,300

Sumber: Bernstein: 2007: 199-201

dium yang penting dalam menyampaikan sebarang jenis maklumat melalui pelbagai jenis kewujudan media pada masa kini seperti radio, akhbar, majalah, televisyen dan tidak ketinggalan internet. Sehubungan dengan itu, proses pembangunan muzik tidak terlepas daripada dipengaruhi oleh penggunaan media massa. Scharmm amat yakin dengan peranan media dalam konteks pembangunan negara. Selain itu, Rao (dalam Lent, 1983) menyarankan, bahawa media massa bukan sahaja merupakan tenaga penggerak utama pembangunan, tetapi ia menyediakan ruang yang besar yang amat diperlukan dalam senario interaksi sosial dalam putaran pembangunan di sesebuah negara (Lent: 1983: 139-142).

Begitu juga bagi pembangunan industri muzik, media massa adalah medium sokongan yang rapat dalam meneruskan pergerakan kegiatan industri berkenaan tidak kira jenis aktiviti yang dilakukan termasuklah dalam pembangunan dasar muzik sehinggalah kepada kegiatan pengiklanan dan promosi. Rajah 3 menunjukkan kegunaan dan pilihan media massa dalam pengiklanan.

Kajian lepas

Sekiranya industri muzik belum cukup diberi perhatian secara rasmi dan terarah di Malaysia, dari segi kajiannya juga, aspek ini hampir tidak ditemui walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk memperolehnya. Selain kajian tentang industri muzik, bahagian ini juga meneliti kajian-kajian tentang kaedah yang digunakan. Aspek penelitian ini memang mendapat perhatian meluas di kalangan pengkaji-pengkaji ilmiah di Malaysia.


Kaedah analisis kandungan berfungsi untuk melihat bagaimana akhbar

memaparkan sesuatu kepada khalayaknya. Misalnya dalam suatu kajian lain akhbar *Berita Minggu* dan Utusan *Malaysia/ Mingguan Malaysia* telah digunakan untuk melihat bagaimana imej Islam dipaparkan dalam media cetak Malaysia. Kajian ini yang dijalankan oleh Bahtiar, Hassan dan Mohamad Khadafi (2003) meneliti bagaimana maklumat mengenai Islam dipaparkan. Kajian ini menunjukkan hasil bahawa *Mingguan Malaysia* lebih kerap memaparkan berita tentang Islam berbanding dengan *Berita Mingguan*. Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar cuba menonjolkan imej Islam yang positif. Imej Islam telah digambarkan dalam pelbagai bentuk. Kepelbagaian ini mengakibatkan kesan yang pelbagai terhadap imej Islam itu sendiri. Walaupun jumlah berita yang disiarkan lebih ke arah positif tetapi berita yang berbentuk negatif harus diteliti dengan rapi.

Lim (2003) menjalankan satu kajian perbandingan awal tentang bahan sisipan akhbar yang mencerminkan bentuk masyarakat terhadap akhbar pelbagai bahasa. Dengan tujuan mengkaji tema isu yang diberi perhatian oleh majoriti pembaca, analisis kandungan telah dibuat terhadap *Berita Harian*, *Berita Minggu*, *Utusan Malaysia*, *Mingguan Malaysia*, *Harian Metro*, *Metro Ahad*, *New Straits Times*, *New Sunday Times*, *The Malay Mail*, *The Sunday Mail*, *The Star*, *Sunday Star*, *Nanyang Siang Pau*, *Sin Chew Jit Poh* dan *China Press*. Dapatan kajian menunjukkan cita rasa dan keutamaan kumpulan etnik masing-masing menjadi majoriti pembacanya. Antaranya termasuklah, isu kota yang lebih mendapat perhatian masyarakat cina manakala isu agama dan keluarga lebih mendapat perhatian dalam akhbar berbahasa Melayu.

Apa yang cuba dijelaskan di sini ialah pendekatan analisis kandungan berupaya memaparkan kecenderungan pemberitaan sesebuah akhbar mengenai sesuatu isu pada tempoh sesuatu penerbitan itu diedarkan. Maksudnya, proses buatputusan mengenai apa dan bagaimana sesuatu bahan itu dipaparkan banyak dipengaruhi oleh persekitaran penulisan dan penerbitannya. Ini juga dapatan kajian oleh Normah Mustafa dalam kajian bagaimana seorang penyunting membuat keputusan dalam menentukan bahan atau berita sebagai isi kandungan yang akan dikeluarkan dalam majalah bagi sesuatu bulan serta melihat perbezaan isi kandungan majalah *Saji* setelah setahun diterbitkan (Julai 1995 hingga Oktober 1996). Dalam membuat pemilihan terhadap alternatif yang hendak diambil kira, tindakan itu mestilah dipertimbangkan (Kreitner: 1983: 3). Buatputusan sesuatu yang sukar serta mencabar bagi pengurus-pengurus akhbar akhir-akhir ini dan semua pengurus pada tahap dalam organisasi mesti membuat keputusan selaras dengan objektif organisasi. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual penolong pengarang dan juga beberapa wartawan.

Dari tinjauan yang dibuat terhadap kaedah analisis kandungan, disimpulkan bahawa, media cetak khususnya akhbar adalah perakam peristiwa yang berlaku setiap hari. Perspektif melihat peristiwa dan pendekatan pemaparan peristiwa tersebut boleh melambangkan keadaan yang berlaku pada sesuatu masa itu. Selain itu ia juga melambangkan kepekaan akhbar dan juga masyarakat terhadap perkara



Rajah 3: Karakter Pengiklanan

Sumber: Diubahsuai daripada Alvin: 2006: 136

yang diperkatakan itu. Dalam kajian ini akan dikenalpasti bagaimana sesebuah akhbar melihat segala aspek yang berkaitan dengan industri hiburan, khususnya muzik. Apa yang dipaparkan boleh melambangkan kecenderungan kepekaan atau perhatian yang diberikan oleh akhbar dan juga mewakili masyarakat pembaca pada sesuatu masa.

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis isi kandungan kuantitatif. Kaedah ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauhmanakah media cetak memberi perhatian terhadap pelaporan mengenai industri muzik, mengetahui sikap media cetak terhadap muzik dan mengetahui tumpuan utama liputan yang diberikan mengenai industri muzik melalui akhbar perdana dalam pelbagai bahasa di Malaysia. Satu borang kodan khas telah dibentuk untuk memproses dan menganalisis data.

Pemilihan bahan kajian

Semua maklumat mengenai muzik yang dipaparkan dalam tempoh 4 tahun dari tahun 2005 hingga 2008 yang dipilih secara rawak. Akhbar yang terpilih adalah akhbar Utusan Malaysia/ Minggu Malaysia, Sin Chew Daily, Nanyang Siang Pau, China Press, News Straits Times, Harian Metro/ Metro Ahad dan Berita Harian/ Berita Minggu.

Jadual 2: Berita Mengikut Jenis

Jenis Berita	Jumlah berita	Peratus (%)
Berita Biasa	993	65.9
Rencana Umum	205	13.6
Rencana Kolumnis	35	2.3
Surat Pembaca	11	0.7
Gossip	86	5.7
Liputan Khas/ Fokus	129	8.6
Lain-lain	47	3.1
Jumlah Keseluruhan	1506	100

Bulan bagi kajian juga dipilih secara rawak yang mempunyai probiliti penyiaran maklumat iaitu bulan Januari dan Mei 2005, Julai dan Ogos 2006, April dan September 2007 dan November dan Disember 2008. Minggu dipilih secara berturutan iaitu minggu 1,2,3 dan 4, manakala hari-harinya adalah hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad.

Hasil kajian

Untuk memenuhi keperluan analisis ini, sebanyak 7 buah akhbar di Malaysia telah diteliti. Kajian memberi tumpuan terhadap 4 pembolehubah utama iaitu jenis maklumat, pola pemaparan maklumat hiburan, jenis isu utama dan jenis isu mengikut akhbar.

Kajian ini mendapati bahawa maklumat hiburan muzik telah disiarkan sebahagian besarnya dalam bentuk berita biasa, iaitu 993 item atau 65.9 peratus seperti di dalam Jadual 2 diikuti oleh rencana umum (13.6 peratus) dan liputan khas (8.6 peratus). Walau bagaimanapun, apabila diteliti dari segi akhbar terdapat gambaran yang sangat menarik. Kajian ini mendapati akhbar-akhbar berbahasa Cina lebih cenderung melaporkan maklumat hiburan muzik secara berita biasa berbanding dengan akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris kecuali akhbar *Berita Harian* (156 berita), jumlahnya agak tinggi sedikit daripada *Harian Metro* (72 berita) dan *NST* (53 berita) seperti yang ditunjukkan Jadual 3. Perbezaannya adalah sangat ketara. Kedua-dua akhbar ini lebih banyak menyiarkan maklumat hiburan dengan menggunakan pendekatan penulisan rencana umum dan liputan khas. Antara contoh liputan khas adalah mengenai *Station radio 988 yang menyambut Tahun Baru Cina dengan menjemput artis*. Walau bagaimanapun, penyiaran berita biasa masih mengatasi semua jenis pendekatan penulisan yang lain termasuk pendekatan penulisan gosip yang berada di tangga keempat.

Kajian ini juga ingin melihat bagaimana sesuatu kategori isu itu diberi perhatian. Untuk mengetahui keadaan tersebut, kajian ini telah memecahkan isu-isu kepada berita mengikut jenis isu utama yang telah dikategorikan seperti Jadual 4.

Jadual 3: Jenis Berita Mengikut Akhbar

	Berita Biasa	Rencana Umum	Rencana Kolumnis	Surat Pembaca	Gosip	Liputan Khas	Lain-Lain
Utusan Malaysia	74	19	0	2	21	46	29
Sin Chew Daily Nanyang	179	4	0	2	7	3	2
Siang Pau	217	17	21	1	0	17	0
China Press	242	29	1	2	0	1	0
New Straits Times	53	33	7	0	6	30	11
Harian Metro	72	98	5	0	8	10	1
Berita Harian	156	5	1	4	44	22	4
Jumlah	993	205	35	11	86	129	47

Jadual 4: Berita Mengikut Jenis Isu

Bil.	Jenis Isu Utama	Jumlah berita	Peratus (%)
1	Dasar & isu berkaitan dasar		
	a. Sistem	4	0.3
	b. Organisasi	17	1.1
	c. Pemasaran	77	5.1
	d. Hakcipta dan cetak rompak	16	1.1
	e. Kawalan	15	1.0
	f. Pendidikan dan latihan	1	0.1
	g. Pertandingan dan festival	93	6.2
	h. Jaringan	5	0.3
	i. Kualiti	62	4.1
	j. Dasar khusus	7	0.5
	k. Penerbitan dan penggambaran/ rakaman	107	7.1
	l. Kewangan	17	1.1
2	Gosip	369	24.5
3	Fokus	202	13.4
4	Moral dan etika	29	1.9
5	Keagamaan	6	0.4
6	Perpaduan	17	1.1
7	Aktiviti	381	25.3
8	Isu-isu lain	81	5.4

Kategori-kategori tersebut adalah dasar dan isu-isu berkaitan dasar, gosip, fokus, moral dan etika, keagamaan, perpaduan, aktiviti dan isu-isu lain. Kajian ini menemui secara umumnya, berita mengenai aktiviti (25.3 peratus) berkaitan muzik paling banyak diberi perhatian diikuti gosip (24.5 peratus) dan fokus (13.4 peratus). Kajian juga mendapati berita-berita dasar dan isu yang berkaitan dasar muzik kurang diberi pendedahan melainkan isu mengenai penerbitan dan

Jadual 5: Jenis Isu Utama Mengikut Akhbar

	Utusan Malaysia	Sin Chew Daily	Nanyang Siang Pay	China Press	New Straits Times	Harian Metro	Berita Harian
Dasar	5	0	0	0	1	1	0
Sistem	3	0	0	0	1	0	0
Organisasi	2	0	3	1	0	1	10
Perpaduan	2	1	0	10	1	0	3
Aktiviti	56	69	86	77	27	20	46
Pemasaran	0	30	1	20	1	4	21
Hakcipta dan cetak rompak	2	5	4	2	0	3	0
Kawalan	1	4	0	1	5	3	1
Pendidikan dan latihan	0	0	0	0	0	0	1
Penerbitan dan penggambaran/ rakaman	34	8	34	23	1	1	6
Jaringan	0	1	0	0	0	3	1
Kewangan	0	3	1	5	4	4	0
Kualiti	0	5	13	2	33	6	3
Gosip	18	38	116	113	12	14	58
Fokus	47	5	14	13	17	74	32
Moral dan etika	8	2	0	5	2	7	5
Keagamaan	0	0	0	0	1	3	2
Pertandingan dan festival	11	14	1	2	11	19	35
Isu-isu lain	2	12	0	1	23	31	12
Jumlah keseluruhan	191	197	273	275	140	194	236

penggambaran/ rakaman (107 berita), pertandingan dan festival (93 berita), kualiti (62 berita) selain pemasaran (77 berita).

Pola pemaparan berita menunjukkan penulisan isu-isu lain (81 berita) lebih mendapat perhatian oleh akhbar berbanding berita mengenai sistem (4 berita), pendidikan dan latihan (1 berita) serta jaringan (5 berita). Paling menarik, berita mengenai dasar yang khusus berkaitan muzik hanya dipaparkan oleh akhbar Utusan Malaysia (5 berita), *NST* (1 berita) dan *Harian Metro* (1 berita) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 5 iaitu jenis isu mengikut akhbar.

Daripada hasil analisis juga, Jadual 5 menunjukkan akhbar berbahasa Melayu lebih cenderung untuk menyiarkan berita atau isu dalam bentuk penulisan fokus seperti di dalam akhbar *Harian Metro* (74 berita), *Utusan Malaysia* (47 berita) diikuti oleh akhbar *Berita Harian* sebanyak 32 paparan berita. Di samping itu juga, isu pendidikan dan latihan (1 berita) hanya disiarkan oleh akhbar *Berita*

Harian sepanjang tempoh bahan kajian yang dipilih. Isu mengenai jaringan juga dilihat hanya dipaparkan oleh akhbar Sin Chew Daily (1 berita), Harian Metro (3 berita) dan akhbar Berita Harian (1 berita). Secara kasarnya, dapat dilihat pemaparan berita yang berkaitan dasar amat kurang di dalam kesemua *sample* akhbar.

Keseluruhan hasil kajian juga menunjukkan, pemaparan isu berkaitan muzik di dalam akhbar menyentuh hal seperti keagamaan dan moral dan etika selain isu yang berkaitan dengan kualiti, kewangan, jaringan dan lain-lain isu. Keadaan ini menggambarkan akhbar juga turut sensitif terhadap perkara yang berkaitan dengan nilai-nilai murni dan sahsiah yang berlaku dalam industri muzik. Biarpun isu gosip menunjukkan nilai yang tinggi (369 berita) tetapi pemaparan isu ini juga boleh menyumbang terhadap pembangunan sosial masyarakat dengan kritikan yang membina serta idea dan pandangan daripada individu-individu yang berkenaan. Mungkin akhbar melihat isu tersebut sebagai satu isu yang bernilai untuk dipaparkan kepada masyarakat. Akhbar juga dilihat mempunyai pandangan dan persepsi tersendiri dalam mencorakkan pemaparan isu berkaitan muzik. Muzik bukan sahaja dilihat sebagai satu hiburan tetapi sebagai satu produk budaya yang mereka mahukan pembangunannya agar tidak bertentangan dengan fabrik budaya tempatan.

Perbincangan dan kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan, pemaparan maklumat mengenai industri muzik di dalam akhbar perdana kurang menyiarkan isu yang berkaitan dengan dasar ataupun maklumat penting dalam membantu pembangunan industri selain menyiarkan isu yang lebih bersifat santai dan hiburan seperti aktiviti dan gosip di dalam industri tersebut. Ini dapat dilihat dengan nilai paparan berita mengikut jenis isu utama seperti yang ditunjukkan oleh hasil kajian. Media memegang peranan dan tanggungjawab yang besar kepada negara dan masyarakat. Media bukan lagi hanya dipandang sebagai alat hiburan semata-mata tetapi menjadi alat pembangunan yang membawa agenda dan pesanan.

Media dan masyarakat tidak mampu lagi dipisahkan ekoran desakan perubahan masa dan teknologi yang menjadikan media massa amat penting dalam kehidupan. Justeru itu, media tidak ketinggalan dalam membawa maklumat mengenai sesuatu dasar demi membentuk satu suasana pembangunan sosial dan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya. Penelitian kepada pemaparan dasar yang berkaitan dengan industri muzik adalah antara usaha dalam melihat perkembangan pembangunan industri berkenaan dalam konteks pembangunan sosial masyarakat. Hal ini kerana, pembangunan sosial atau sesebuah masyarakat itu turut dipengaruhi oleh bentuk-bentuk maklumat yang diperolehi daripada pendedahan sumber maklumat harian. Pendedahan sesuatu maklumat akan memberi kesan kepada pemikiran masyarakat untuk terus bergerak mengikut keadaan semasa. Tingkahlaku dan keputusan dalam masyarakat itu juga boleh dipengaruhi oleh unsur asing sama ada media mahu pun alatan teknologinya. Oleh itu, tidak dapat

disangkal bahawa pembangunan masyarakat itu tidak kira dari aspek pemikiran, teknologi, ekonomi mahu pun sahsiah mampu dibentuk daripada sumber maklumat kerana masyarakat sememangnya tidak mampu untuk memenuhi aktiviti harian tanpa media terutamanya akhbar dalam memperoleh berita semasa.

About the authors

Ms Norshafawati Saari is a Master of Philosophy student at the School of Media and Communication Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia. Associate Professor Dr Asiah Sarji and Associate Professor Fuziah Kartini Hassan Basri are lecturer and Head of Media Communication Programme respectively at the same School.

Rujukan

- Albert, C.G. 1998. The persuasive press inference: Effects of mass media on perceived public opinion. *Communication Research*, 25(5), 486-501.
- Alvin, J.S. 2006. *What is marketing*. Boston: Harvard Business School Press.
- Bahtiar bin Mohamad, Hassan bin Abu Bakar & Mohamad Khadafi bin Hj Rofie. 2003. Imej Islam Di Media Cetak: Analisis Kandungan Akhbar Mingguan Di Malaysia. *Pasca Sidang Seminar Penyelidikan Komunikasi*, 97-109.
- Bernstein, A. , Sekine N. & Weissman D. 2007. *The global music industry: Three perspectives*. America: Taylor & Francis Group, LLC.
- Berita Harian*, 2008. 23 Disember.
- Bukhory Haji Ismail (penterjemah). 1997. L. John Martin & Anju Grover Chaudhary. 1921. *Sistem media massa: Suatu perbandingan*. Dewan Bahasa & Pustaka: Kuala Lumpur.
- Coloma, D. & Kleiner H.B. 2005. How can music be used in business?. *Management Research News*. Volume 28 Number 11/12.
- Coleman, R. dan Wasike, B. 2004. *Visual element in public journalism newspapers in an election: A content analysis of the photographs and graphic in campaign*. International Communication Association. 456-473.
- Hanson, J.L. 1981. *Ekonomi asas & prinsip*. Kuala Lumpur: Art Printing Works Sdn. Bhd.
- Jenkins, W.I. 1978. *Policy analysis: A political and organisational perspective*. Martin Robertson & Company Ltd: London.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian & Warisan Malaysia (KEKWA). 2005. *Dasar & strategi pembangunan muzik Malaysia*. Kuala Lumpur: Match Express Corporation Sdn. Bhd, Perkasa Nilam Sdn. Bhd.
- Lim, K.H. 2003. Bahan Sisipan (*Supplement*) Akhbar mencerminkan bentuk masyarakat? Satu kajian perbandingan awal terhadap akhbar pelbagai bahasa. *Pasca Sidang Seminar Penyelidikan Komunikasi*, 169-179.
- Martin, P. & Patrick, W. 2005. *An economic guide to digital music*. CESifo Economic Studies, Vol. 51. 2-3/2005, 359-428. <http://>

- cesifo.oxfordjournals.org, Universiti Kebangsaan Malaysia. 15 Mac 2010.
- Melvin, L.D.F. & Sandra, B.R. 1988. *Teori komunikasi massa*. Terj. Noor Bathi. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Normah Mustaffa. 2000. Proses buatkeputusan dalam pemilihan isi kandungan majalah. *Jurnal Komunikasi Jilid 16 (199-210)*. Pusat Pengajian Media dan Komunikasi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Robinson, J.B. (penterjemah). Carl Dahlhaus. 1983. *Foundations of music history*. Cambridge University Press: London.
- Saadah Wok, Narimah Ismail & Mohd. Yusof Hussain. 2004. *Teori-teori komunikasi*. Kuala Lumpur: Percetakan Cergas Sdn. Bhd.
- Shirley, B. 2005. *Media impact: An introduction to mass media*. Thomson Learning: Canada.
- Shukor Kholil. 2000. Liputan agensi berita antarabangsa tentang dunia Islam yang disiarkan dalam Akhbar Indonesia. *Jurnal Komunikasi 16*: 161-176. Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.